

Transformasi dalam sistem pendidikan mampu melahirkan generasi yang pintar, kreatif, dan inovatif.

Tulis komen anda tentang pernyataan tersebut. Dimensi Sekolah

(KBAT) Mencipta

Masyarakat yang berilmu pengetahuan merupakan pendokong utama untuk memantapkan pembangunan negara. Tanpa mempunyai ilmu pengetahuan yang sempurna, kemajuan hanya tinggal pada nama dan bukan _____ pada masyarakatnya yang tidak berilmu pengetahuan. Masyarakat yang berilmu juga sering melihat potensi masa hadapan secara _____. Mereka boleh mempertingkatkan taraf hidup berpandukan ilmu pengetahuan yang dikutip daripada sistem pendidikan.

Namun begitu, proses perubahan masa yang berlaku menyebabkan sistem pendidikan tidak boleh jumud, sebaliknya perlu ditransformasikan agar ilmu yang diajarkan sentiasa _____ dengan kehendak semasa. Atas kehendak tersebutlah, Malaysia tidak _____ dalam melakukan transformasi dan _____ terhadap sistem pendidikan yang sedia ada. Sehubungan dengan itu, sudah sewajarnya segala sistem yang digubalkan itu dapat memberi impak yang positif kepada generasi pelapis.

Perubahan kurikulum adalah antara perkara terpenting yang sentiasa diberikan perhatian dalam _____ pendidikan di Malaysia. Oleh itu, perubahan dari aspek isi kandungan, bahan pelajaran, dan teknik pengajaran mampu menjanakan murid yang bijak _____. Contohnya, suatu perubahan yang paling _____ telah berlaku di sekitar tahun 1980-an hingga 1990-an melalui perubahan dalam sistem kurikulum lama kepada _____ baharu. Jelaslah bahawa kurikulum pendidikan Malaysia, iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) perlu ditransformasikan bagi memberi nafas baharu terhadap pembangunan dan perkembangan murid.

Kesan yang cukup ketara dalam perubahan sistem ini ialah murid-murid pada hari ini lebih aktif, berani, dan kreatif. Hasilnya, halangan seperti takut dan malu seperti anak-anak pada masa lalu semakin _____ dalam kalangan remaja mutakhir ini. Keberkesanannya amat terserlah apabila murid-murid pada era moden ini tampak lebih berkeyakinan, berinovasi, berfikiran matang, serta berani melontarkan _____ yang bernas di hadapan khalayak.

Perubahan dalam sistem pendidikan menengah juga telah berjaya menganjak sikap murid. Hal ini amatlah jelas apabila kebanyakan murid yang dalam usia remaja begitu aktif menyertai pelbagai program. Subjek-subjek yang _____ inovatif, ICT serta sains dan teknologi turut menjadi _____ utama remaja masa ini. Kejayaan Malaysia dalam beberapa siri pertandingan robotik dan inovasi pada peringkat antarabangsa menjadi bukti bahawa _____ dalam sistem pendidikan adalah amat penting.

Selain itu, inovasi dimasukkan sebagai strategi untuk memberikan ruang kepada murid menggilap bakat, potensi diri, dan kemahiran. Pengajaran interaktif yang _____ komputer telah membuka peluang yang _____ kepada remaja untuk melayari maklumat di Internet. Melalui inovasi ICT, pelbagai gajet telah dicipta. Natiujahnya, anak-anak seusia tiga tahun sudah pandai menekan kekunci komputer. Malah, masyarakat yang _____ komputer turut menjadikan gajet sebagai teman hidup mereka.

Perubahan kokurikulum turut dilakukan supaya seiring dengan kurikulum untuk melahirkan murid yang _____ dari aspek mental, jasmani, dan rohani. Ternyata, penekanan dalam Falsafah Pendidikan Negara telah memberikan sinar baharu kepada murid yang _____ dalam kokurikulum. Langkah tersebut telah menunjukkan _____ yang baik apabila murid mula berminat untuk menganggotai persatuan, kelab, dan sukan. Strategi _____ dua mata ini berjaya melahirkan murid yang pintar mindanya serta cergas jasmaninya. Insentif 10 peratus markah kokurikulum sebagai _____ ke universiti menjadi suatu lagi anjakan dalam transformasi sistem pendidikan kita.

Kesimpulannya, transformasi dalam sistem pendidikan merupakan suatu perkara yang perlu _____ sesuai dengan perubahan waktu dan kehendak masyarakat. Seandainya usaha ini diperkasakan dengan _____ yang tinggi dan diberikan pengisian yang berimpak tinggi, nescaya matlamat merealisasikan hasrat Wawasan 2020 untuk melahirkan rakyat yang progresif dan _____ saing akan terlaksana.